

# Koleksi minda Dr. Mahathir subjek wajib pelajar UiTM

UM 17 SEP 2016

KUALA PILAH 16 Sept. — Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan menjadikan koleksi minda Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai subjek wajib kepada semua pelajarinya.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Seri Dr. Ibrahim Abu Shah berkata, subjek itu akan diterapkan dalam kurikulum dan kurikulum di universiti berkenaan.

Katanya, pengajaran mengenai koleksi minda Dr. Mahathir itu akan diserap mulai November ini dalam pengajaran kokurikulum manakala dalam kurikulum pula akan dilaksanakan serentak dengan kemasukan pelajar baru pada Mei dan Jun tahun depan.

“Usaha ini bagi membolehkan semua pelajar UiTM mempelajari dan mendalami pemikiran Perdana Menteri itu.

“Perkara ini sudah diputuskan dalam mesyuarat Senat UiTM baru-baru ini,” katanya ketika berucap pada majlis penyerahan buku terjemahan *Koleksi Minda Perdana Menteri* di kampus cawangan UiTM Negeri Sembilan, di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Sosial, Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Wanita Negeri, Datuk Norhayati Omar.

Turut hadir ialah Pengarah Kampus UiTM Negeri Sembilan, Prof. Madya Dr. Tengku Jamaluddin Tengku Mahmud Shah Alhaj.

Menurut Ibrahim, pihaknya juga mahukan supaya semua pelajar dan pensyarah UiTM mempelajari idea Perdana Menteri

yang merangkumi pelbagai bidang ilmu.

“Dengan adanya subjek ini, para pelajar dan pensyarah dapat mempelajari, mendalami dan mengambil idea Dr. Mahathir yang meliputi aspek seperti politik, sosial, ekonomi dan hubungan global.

“Kita juga berharap, pelajar UiTM akan dapat menjadi anggota masyarakat dan pemimpin masa depan yang baik apabila mengikuti subjek ini nanti,” jelasnya.

Sementara itu, Norhayati ketika berucap pada majlis tersebut mengucapkan tahniah atas usaha UiTM menjadikan koleksi minda Perdana Menteri sebagai subjek wajib.

Beliau berharap, usaha itu akan dapat melahirkan graduan yang mempunyai sifat kepimpinan cemerlang untuk membangunkan negara pada masa depan.